

Ringkasan

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, lengkapkan ringkasan tentang *sebab-sebab perubatan tradisional masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat*. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Anggapan bahawa perubatan moden merupakan penawar terbaik untuk setiap jenis penyakit adalah tidak tepat. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam kajiannya mendapati bahawa 80 peratus penduduk dunia masih bergantung kepada rawatan tradisional **kerana masalah kemiskinan**. Mereka tidak mampu untuk membeli makanan apatah lagi mendapatkan rawatan moden. 1

Kajian juga menunjukkan bahawa minat masyarakat dunia terhadap perubatan tradisional semakin bertambah. Hal ini berlaku demikian kerana perubatan tradisional dianggap sebagai **pelengkap kepada perubatan moden**. Para pengkaji juga mendapati bahawa penggunaan ubat-ubatan moden meninggalkan pelbagai kesan sampingan. Selain itu, perubatan moden masih gagal **menemukan penawar bagi penyakit kronik seperti kanser dan AIDS**. Para pengkaji juga mendapati bahawa perubatan moden belum berupaya untuk menangani masalah tekanan sedangkan melalui perubatan tradisional, tekanan dapat dikurangkan dengan cara memakai bunga kunyit. 2

Ubat-ubatan berasaskan herba masih perlu dikaji dan dibangunkan dengan keupayaan sains dan teknologi supaya benar-benar berkesan. Dalam hal ini, penggunaan teknologi moden diharapkam dapat mengkomersialkan perubatan tradisional. **Ubat-ubatan tradisional perlu diusahakan agar dapat dijual dengan harga yang rendah supaya mampu dibeli oleh pengguna**. Namun demikian, bukan semua penyakit dapat dicegah atau disembuhkan dengan ubat-ubatan yang berasaskan herba. Kita masih memerlukan ubat-ubatan moden. Sebenarnya, ubat-ubatan tradisional yang berasaskan herba dihasilkan bukan untuk mengambil alih fungsi ubat-ubatan moden tetapi hanya untuk mengisi kekurangan perubatan moden. 3

Dalam pada itu, bukan semua ubat moden yang diambil oleh pesakit akan masuk dalam sistem tubuhnya. Hanya lebih kurang 15 miligram daripada keseluruhan ubat yang diambil akan masuk ke dalam tubuhnya. Oleh itu, walaupun dua orang pesakit yang menghadapi penyakit yang sama mengambil ubat yang serupa tetapi **ubat tersebut tidak akan memberikan kesan yang sama** kepada mereka. Selain itu, ubat-ubatan moden hanya merawat penyakit itu sahaja. Keadaan ini menyebabkan pesakit yang mengambil ubat-ubatan moden terpaksa bergantung pada ubat-ubatan tersebut sehingga akhir hayat. 4

(Dipetik dan diubah suai daripada "Herba Pelengkap Perubatan Moden" Berita Minggu)

Senaraikan isi penting mengikut nombor yang diberikan.

Isi penting:

1.	
2.	
3.	
4.	
5.	

